



**KENYATAAN RASMI**  
**8 November 2021**

## **PENGUMUMAN KES POSITIF COVID-19**

---

Petaling Jaya – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ingin memaklumkan satu kes baru COVID-19 melibatkan warga kerja PR1MA telahpun direkodkan.

Untuk pengetahuan, rekod kehadiran terakhir ke pejabat bagi individu tersebut ialah pada 3 November 2021 dan telah disahkan positif pada 5 November 2021.

PR1MA sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memastikan semua tindakan bagi mencegah penyebaran pandemik COVID-19 dilaksanakan dengan segera.

Untuk mengurangkan risiko jangkitan, PR1MA telah mengarahkan :

- Semua kakitangan yang merupakan kontak rapat kepada individu terlibat untuk disaring mengikut kategori.
- Mengarahkan kontak rapat untuk melakukan kuarantin kendiri dan bekerja dari rumah sepanjang tempoh kuarantin.
- Aras pejabat warga kerja yang terlibat telahpun disanitasi untuk memastikan rantai COVID-19 dapat diputuskan di tempat kerja.

Keselamatan warga kerja dan para pelanggan merupakan keutamaan kami di PR1MA. Kami akan memaklumkan sebarang informasi terkini melalui saluran komunikasi rasmi PR1MA. Sama-sama kita memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum Negeri Selangor) atau e-mel kepada [info@p1ma.my](mailto:info@p1ma.my).

-TAMAT-

---